

٤٠ - باب استعمال فضل وضوء الناس وأمر جرير بن عبد الله أهله أن يوصوا بفضل سواكه
 ٥٥٨

40 - Bab: Menggunakan Sisa / Lebihan Wudhu' (Air Sembahyang) Orang.⁶³ Jarir Bin 'Abdillah Menyuruh Ahli Keluarganya Berwudhu' Menggunakan Air Rendaman Berus Giginya.⁶⁴

١٨١ - حَدَّثَنَا آدَمُ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا الْحَكَمُ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا جُحَيْفَةَ يَقُولُ خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْهَاجِرَةِ فَأَتَى بِوَضُوءٍ قَوِضًا فَجَعَلَ النَّاسُ يَأْخُذُونَ مِنْ فَضْلِ وَضُوءِهِ فَيَمْسَحُونَ بِهِ فَضَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهْرَ رُكْعَيْنِ وَالْعَصْرَ رُكْعَيْنِ وَبَيْنَ يَدَيْهِ عَنَزَةٌ

وَقَالَ أَبُو مُوسَى دَعَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدَحٍ فِيهِ مَاءٌ فَغَسَلَ يَدَيْهِ وَوَجْهَهُ فِيهِ وَمَجَّ فِيهِ ثُمَّ قَالَ لَهَا اشْرَبَا مِنْهُ وَأَفْرَا عَلَى وَجْهِكُمَا وَتَحَوَّرَكُمَا

181 - Adam meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Hakam meriwayatkan kepada kami, katanya: saya mendengar Abu Juhaifah menceritakan katanya: "Rasulullah s.a.w keluar menemui kami pada waktu tengah hari, lalu dibawakan kepada baginda air untuk ^(Wudhu') wudhu', maka berwudhu'lah beliau. Selepas itu sahabat-sahabat mula mengambil ^{2. water for} sisa air/wudhu' Nabi s.a.w dan mereka menyapunya ke tubuh mereka. Seterusnya Nabi s.a.w bersembahyang zuhur dua raka'at dan 'ashar dua raka'at dalam keadaan di hadapan baginda terpacak sebatang lembing kecil." Kata Abu Musa: "Nabi s.a.w meminta satu mangkuk

⁶³ "Sisa / lebihan wudhu' (air sembahyang) orang" yang tersebut di dalam tajuk ini mungkin bererti sisa / lebihan air di dalam sesuatu bekas air setelah sebahagian daripada airnya digunakan untuk wudhu'. Mungkin juga ia bererti air yang telah digunakan oleh seseorang untuk berwudhu'. Dalam kedua-dua erti yang telah disebutkan di atas Imam Bukhari bermaksud menyatakan bahawa ia adalah suci lagi menyucikan. Kerana ia tidak ketara berubah meskipun telah digunakan. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang air musta'mal (air yang telah digunakan untuk mengangkat hadats). An-Nakha'i, Hasan Bashri, Zuhri, Malik, Ats-Tsauri dan Abu Tsaur berpendapat ia suci dan boleh digunakan untuk bersuci. Imam Bukhari juga berpendapat demikian. Muhammad bin Al-Hasan dan As-Syafi'e berpendapat ia suci tetapi tidak menyucikan. Abu Hanifah dan Abu Yusuf pula berpendapat ia najis.

⁶⁴ Berus gigi yang lumrah digunakan pada ketika itu terdiri daripada kayu arak atau kayu sugi. Untuk melembutkan hujungnya sama ada yang belum digunakan lagi atau yang telah digunakan, hujung kayu ini sering direndam di dalam air selama beberapa ketika. Oleh kerana perubahan ketara tidak berlaku pada air rendaman kayu sugi itu maka ia tetap dikira suci dan boleh digunakan untuk berwudhu'. Atsar Jarir bin 'Abdillah ini telah dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah, Baihaqi dan Daaraquthni dengan sanad mereka masing-masing daripada Qais bin Abi Hazim daripada beliau.

berisi air lalu baginda membasuh kedua belah tangan dan mukanya di dalam mangkuk itu dan Nabi s.a.w juga menyembur air dengan mulutnya ke dalam bekas tersebut". Kemudian baginda bersabda kepada kedua-dua sahabatnya: "Minumlah air itu dan tuangkan ke atas muka dan leher kamu."⁶⁵

١٨٢ - أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الرَّبِيعِ قَالَ وَهُوَ الَّذِي مَجَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي رَجُلِهِ وَهُوَ غُلَامٌ مِنْ بَنِيهِمْ وَقَالَ عُرْوَةُ عَنْ الْمِسْوَرِ وَغَيْرِهِ يُصَدِّقُ كُلَّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا صَاحِبَهُ وَإِذَا تَوَضَّأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَادُوا يَقْسِلُونَ عَلَى وَصْوَتِهِ

182 - 'Ali bin 'Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Ya'qub bin Ibrahim bin Sa'ad meriwayatkan kepada kami, katanya: ayahku telah meriwayatkan kepada kami daripada Shaleh daripada Ibnu Syihab, katanya: Mahmud bin Al-Rabi' memberitahu kepada saya. Kata Zuhri: "Dialah orang yang Rasulullah s.a.w semburkan air dengan mulut baginda s.a.w ke mukanya ketika dia masih kecil. Air yang disembur itu diambil daripada telaga mereka." Dan 'Urwah juga telah meriwayatkan daripada Al-Miswar dan selainnya (Marwaan), masing-masing mereka membenarkan satu sama lain iaitu: "Apabila Nabi s.a.w selesai berwudhu', hampir-hampir mereka berkelahi untuk mendapatkan sisa lebihan air wudhu' Nabi s.a.w."⁶⁶

باب

Bab⁶⁷

⁶⁵ Imam Bukhari akan mengemukakan hadits Abu Musa Al-Asy'ari ini dengan sanad yang lengkap di dalam Kitab Al-Maghazi nanti. Dua orang sahabat Nabi s.a.w yang dimaksudkan di sini ialah Abu Musa Al-Asy'ari sendiri dan Bilal. Nabi s.a.w menyuruh mereka berdua seperti tersebut di dalam hadits di atas mungkin kerana sesuatu penyakit yang mereka deritai atau kerana sesuatu perkara yang telah menimpa mereka. Kata Ibnu Batthal: "Hadits ini selain menunjukkan kesucian air musta'mal, ia juga menunjukkan air mulut manusia dan sisa minumannya tidak najis."

⁶⁶ Hadits ini sebenarnya adalah ringkasan daripada satu hadits yang panjang menceritakan tentang peristiwa Hudaibiah. Imam Bukhari sendiri akan mengemukannya di dalam Kitab As-Syuruth dan Kitab Al-Maghazi nanti. Daripada hadits itu akan ternyata kepada anda bahawa ini adalah kata-kata 'Urwah bin Mas'ud Ats-Tsaqafi seorang wakil bagi pihak orang-orang kafir Quraisy dalam rundingan di Hudaibiah itu.

⁶⁷ Ini adalah bab tanpa tajuk. Bab tanpa tajuk di sini hanya terdapat di dalam nuskah Mustamli sahaja. Adapun di dalam nuskah kebanyakan penyalin-penyalin Kitab Sahih Bukhari yang lain tidak ada bab tanpa tajuk di sini. Malah hadits yang tersebut di bawah bab ini termasuk di bawah bab sebelumnya juga. Pada kebiasaannya bab tanpa tajuk ini sama seperti fashal (ceraian) bagi bab yang tersebut di atasnya iaitu walaupun kandungannya berbeza dari kandungan bab sebelum itu, namun tetap ada sedikit sebanyak kaitannya dengan yang sebelumnya atau mungkin juga ia lebih menjelaskan lagi apa yang samar di dalam hadits-hadits bab sebelumnya.

١٨٣ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ يُونُسَ قَالَ حَدَّثَنَا حَاتِمُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ عَنِ الْجَعْدِ قَالَ سَمِعْتُ السَّائِبَ بْنَ يَزِيدَ يَقُولُ
 ذَهَبَتْ بِي خَالَتِي إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ ابْنَ أُخْتِي وَجِعَ فَمَسَحَ رَأْسِي وَدَعَا لِي
 بِالْبَرَكَةِ ثُمَّ تَوَضَّأَ فَشَرِبْتُ مِنْ وَضُوئِهِ ثُمَّ قُمْتُ حَلَفَ ظَهْرُهُ فَتَنَظَّرْتُ إِلَى خَاتَمِ النَّبِيِّ بَيْنَ كَفَيْهِ مِثْلَ زَرِّ الْحَجَلَةِ

183 - 'Abdur Rahman bin Yunus meriwayatkan kepada kami, katanya: Hatim bin Isma'il meriwayatkan kepada kami daripada Al-Ja'ad, katanya: saya mendengar Al-Sa'ib bin Yazid menceritakan, katanya: "Emak saudaraku membawa aku pergi kepada Rasulullah s.a.w". Katanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya anak saudara perempuanku ini sakit". Maka Nabi s.a.w menyapu kepalaku dan mendoakan keberkatan untukku. Kemudian beliau s.a.w berwudhu'. Selepas ^{khassiat} meminum sisa air wudhu'nya⁶⁸, aku berdiri di sebelah belakangnya, maka aku nampak Khatam An-Nubuwwah (satu tanda kenabian nabi akhir zaman) di antara dua belikat baginda. Ia kelihatan macam kancing kelambu pengantin (atau macam telur burung puyuh)."

٤١ - بَابُ مَنْ مَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ مِنْ غُرْفَةٍ وَاحِدَةٍ

41 - Bab: Orang Yang Berkumur-Kumur Dan Menghisap Air Ke Dalam Hidung Dengan Satu Cedokan.⁶⁹

١٨٤ - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَحْيَى عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ زَيْدٍ أَنَّهُ أَفْرَغَ
 مِنَ الْإِنَاءِ عَلَى يَدَيْهِ فَغَسَلَهُمَا ثُمَّ غَسَلَ أَوْ مَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ مِنْ كَهْفَةٍ وَاحِدَةٍ فَقَعَلَ ذَلِكَ ثَلَاثًا فَغَسَلَ يَدَيْهِ إِلَى الْبِرْقَعَيْنِ

⁶⁸ Hadits di bawah bab tanpa tajuk ini dikemukakan oleh Imam Bukhari untuk membuktikan kesucian sisa air wudhu', kerana kalau ia tidak suci bagaimana Nabi s.a.w membiarkan As-Saa'ib meminumnya dan mengambil berkat dengannya.

⁶⁹ Tujuan bab ini diadakan ialah untuk menyatakan cara berkumur dan menghisap air ke dalam hidung ketika berwudhu'. Mengikut sunnah Nabi s.a.w, caranya ialah kedua-duanya dilakukan serentak dengan satu cedokan sebanyak tiga kali, iaitu dengan memasukkan sebahagian air terlebih dahulu ke dalam mulut untuk berkumur, terus selepas itu menghisap pula air yang masih berbaki di dalam tangan ke dalam hidung. Demikianlah dilakukan sebanyak tiga kali. Ada juga 'ulama' berpendapat bahawa maksud Imam Bukhari bukanlah menyatakan cara seperti di atas, tetapi beliau sebenarnya mahu menyatakan berkumur dan menghisap air ke dalam hidung itu perlu dilakukan secara berasingan demi kesempurnaan wudhu'. Walaupun kedua-duanya hendaklah disempurnakan dengan sebelah tangan sahaja bukan dengan kedua-dua belah tangan seperti pada ketika membasuh muka.

مَرَّتَيْنِ مَرَّتَيْنِ وَمَسَحَ بِرَأْسِهِ مَا أَقْبَلَ وَمَا أَدْبَرَ وَغَسَلَ رِجْلَيْهِ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ثُمَّ قَالَ هَكَذَا وَضُوءُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

184- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Khalid bin 'Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Yahya meriwayatkan kepada kami daripada bapanya daripada 'Abdillah bin Zaid bahawa beliau menuangkan air daripada bekas air ke atas kedua tangannya lalu membasuh kedua tangannya itu. Kemudian dia membasuh atau berkumur-kumur dan menghisap air ke dalam hidung menggunakan satu tapak tangan. Dilakukannya begitu tiga kali. Seterusnya beliau membasuh tangannya hingga ke siku dua dua kali dan menyapu kepala bahagian depan dan bahagian belakangnya. Sesudah itu beliau membasuh pula kedua kakinya hingga kedua buku lali.⁷⁰ Kemudian beliau berkata: "Beginilah wudhu' Rasulullah s.a.w."

٤٢ - باب مسح الرأس مرة

42- Bab: Menyapu Kepala Sekali.⁷¹

١٨٥ - حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا وَهْبٌ قَالَ حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ يَحْيَى عَنْ أَبِيهِ قَالَ شَهِدْتُ عَمْرُو بْنَ أَبِي حَسَنٍ سَأَلَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ رِيْدٍ عَنْ وَضُوءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَعَا بِوَرٍ مِنْ مَاءٍ فَوَضَّاهُمَا فَكَفَّاهُ عَلَى يَدَيْهِ فَغَسَلَهُمَا ثَلَاثًا ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ فَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ وَاسْتَنْشَرَّ ثَلَاثًا ثَلَاثًا غَرَفَاتٍ مِنْ مَاءٍ ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ

⁷⁰ Dengan membasuh kaki kanan terlebih dahulu, kemudian kaki kiri.

⁷¹ Bab ini bertujuan menyatakan sunnah dalam menyapu kepala ialah satu kali sahaja dan kaifiatnya ialah seperti yang digambarkan di dalam hadits 'Abdullah bin Zaid di bawah bab ini, bukan dua atau tiga kali. Imam Bukhari mahu menegaskan di sini bahawa orang-orang yang mengatakan sunnah dalam menyapu kepala ialah sebanyak tiga kali dengan air yang berasingan itu sebenarnya adalah terkeliru dengan kaifiat menyapu kepala seperti yang digambarkan di dalam hadits ini. Pada hakikatnya ia adalah satu kali sapu.

فَغَسَلَ وَجْهَهُ ثَلَاثًا ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ فَغَسَلَ يَدَيْهِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ فَمَسَحَ رَأْسَهُ
فَأَقْبَلَ بِيَدَيْهِ وَأَدْبَرَ بِهِمَا ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ فَغَسَلَ رِجْلَيْهِ وَحَدَّثَنَا مُوسَى قَالَ حَدَّثَنَا وَهَبٌ قَالَ مَسَحَ رَأْسَهُ مَرَّةً

185- Sulaiman bin Harb meriwayatkan kepada kami, katanya: Wuhaib meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar bin Yahya meriwayatkan kepada kami daripada bapanya, katanya: Saya telah menyaksikan 'Amar bin Hasan bertanya 'Abdullah bin Zaid tentang wudhu' Nabi s.a.w. Dia pun meminta satu bekas air untuk menunjukkan cara berwudhu' kepada mereka. Maka dia menuangkan air di atas kedua tangannya lalu membasuhnya tiga kali kemudian dia memasukkan tangannya dalam bekas itu, lalu berkumur dan menghisap air ke dalam hidung dan menghembuskan air dari dalam hidung ke luar tiga kali dengan tiga cedokan. Selepas itu dia memasukkan pula tangannya ke dalam bekas air itu dan membasuh mukanya tiga kali. Seterusnya dia memasukkan tangannya ke dalam bekas itu dan membasuh dua tangannya hingga ke siku dua kali. Selanjutnya dia memasukkan lagi tangannya ke dalam bekas itu dan menyapu kepalanya dengan kedua-dua belah tangan bermula dari bahagian hadapan kepala hingga ke belakang, terus kembali semula ke hadapan. Kemudian dia memasukkan pula tangannya ke dalam bekas air tadi, lalu dibasuhnya kedua kakinya.

Musa meriwayatkan daripada Wuhaib, katanya: "Dia menyapu kepalanya sekali."

٤٣- باب وضوء الرجل مع امرأته وفضل وضوء المرأة وضوءاً عمر بالحميم ومن بيت نصرانية

43 - Bab: Seseorang Berwudhu' Bersama Isterinya Dan Berwudhu' Dengan Menggunakan Air Lebihan Wudhu' Perempuan. 'Umar Telah Berwudhu' Dengan Air Panas Dan Air Dari Rumah Seorang Perempuan Nashrani.⁷²

⁷² Tajuk bab ini mengandungi empat bahagian. (1) Seseorang berwudhu' bersama isterinya (2) Berwudhu' dengan menggunakan air lebihan wudhu' perempuan (3) 'Umar telah berwudhu' dengan air panas (4) 'Umar telah berwudhu' menggunakan air dari rumah seorang perempuan nashrani. Maksud Imam Bukhari dengan bab yang dikemukakan ini ialah menyatakan keharusan semua yang disebutkan, meskipun ada segelintir orang yang mengatakan tidak harus.

١٨٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّهُ قَالَ كَانَ الرِّجَالُ وَالنِّسَاءُ يَتَوَضَّوْنَ فِي زَمَانِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَمِيعًا

186 - 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Naafi' daripada 'Abdillah bin 'Umar bahawa beliau berkata: "Orang-orang lelaki dan perempuan selalu berwudhu' bersama-sama di zaman Rasulillah s.a.w."⁷³

13/6/7

٤٤١ - بَابُ صَبِّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَضُوءَهُ عَلَى الْمُعْمَى عَلَيْهِ

44- Bab: Nabi s.a.w Menuangkan Sisa Wudhu'nya Ke Atas Orang Yang Pengan.⁷⁴

١٨٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْمُثَنِّكَرِ قَالَ سَمِعْتُ جَابِرًا يَقُولُ جَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّئُ وَأَنَا مَرِيضٌ لَا أَغْقِلُ قَوْضًا وَصَبَّ عَلَيَّ مِنْ وَضُوئِهِ فَعَقَلْتُ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَنِ الْمِيرَاثُ إِنَّمَا يَرِثُنِي كَلَالَةٌ فَتَرَلْتُ آيَةَ الْفَرَائِضِ

187 - Abu Al-Walid meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah meriwayatkan kepada kami daripada Muhammad bin Al-Munkadir, katanya: Saya telah mendengar Jabir bercerita, katanya: "Rasulullah s.a.w datang menziarahiku ketika aku sakit dan tidak sedarkan diri (pengan). Baginda berwudhu' dan menuangkan sebahagian daripada air wudhu' ke atasku. Selepas itu aku sedar, aku berkata: "Wahai Rasulallah s.a.w, siapakah yang akan mendapat pusaka (daripadaku). Aku hanya

⁷³ Zahir atsar ini hanya sesuai dengan dua bahagian saja dari empat bahagian tajuk babnya. 'Amalan seperti ini boleh jadi berlaku sebelum turunnya perintah berhijab kepada kalangan perempuan. Boleh jadi juga yang dimaksudkan dengan orang-orang lelaki dan perempuan itu ialah sesama mahram. Manakala segolongan 'ulama' yang lain pula berpendapat apa yang dimaksudkan di dalam atsar ini ialah orang-orang lelaki berwudhu' bersama-sama dalam kumpulannya, sementara orang-orang perempuan pula berwudhu' bersama-sama dalam kumpulannya secara terpisah dan berasingan.

⁷⁴ Tujuan Imam Bukhari mengemukakan bab ini ialah untuk menegaskan bahawa sisa wudhu' seseorang tidak najis. Kerana itulah Nabi s.a.w menuangkannya ke atas Jabir.